



PERUTUSAN TAHUN 2025

OLEH

**YS PKPjB SAYANI BINTI HAJI SAIDON PENGARAH
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
NEGERI PERAK**

SEMPENA

**MAJLIS PERBARISAN TAHUNAN TAHUN 2025
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
NEGERI PERAK**

TARIKH: 20 MAC 2025 (KHAMIS), 10.00 PAGI

TEMPAT: DEWAN PREMIER DATO' SRI Ts. MOHAMMAD HAMDAN

Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum..Warahmatullahi..Wabarakatuh
Salam Sejahtera...Salam Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia
Berprestasi Tinggi..Cepat Dan Mesra Salam Malaysia Madani Dan Salam
Perak Sejahtera 2030

Yang Berusaha Saudara/Saudari Pengacara Majlis,

Terima Kasih Kepada Pembaca Doa Kita **PKPgB Mohd Shaznil Bin Abd Thoher** Yang Telah Mendoakan Untuk Kebaikan Dan Kesejahteraan Kita Semua Bagi Majlis Ini,

[SALUTASI – TERTAKLUK KEPADA PENGESAHAN KEHADIRAN]

Penolong Pesuruhjaya Bomba
Yusri Bin Mohd Yusoff @ Hashim
Timbalan Pengarah
Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia N.Perak

Penguasa Kanan Bomba I
Wan Mohd Nazlis Bin Wan Ismail
Penolong Pengarah Bhg Penyiasatan Kebakaran Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak
Selaku Urusetia Majlis Perbarisan Tahunan Tahun 2025

Penolong-Penolong Pengarah Bahagian

Ketua-Ketua Zon

Ketua-Ketua Balai

Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan

Penerima-Penerima Tanda Pangkat

Seterusnya Tuan – Tuan Dan Puan – Puan Yang Dikasihi Sekalian

MUKADIMAH UCAPAN

1. Pertamanya, marilah kita merafak puji-pujian dan rasa syukur ke hadrat Allah Taala di atas segala rahmat dan izin-Nya jua, kita dapat bersama-sama berhimpun, bersua muka, pada pagi ini, 20 Mac 2025, hari Rabu, 20 Ramadan 1446 Hijrah, dalam **Majlis Perbarisan Tahunan Tahun 2025 Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak**.
2. Mudah-mudahan dalam memasuki suku tahun pertama 2025 ini, kita akan terus diberi petunjuk dan hidayah, dikurniakan ketenangan dan kebijaksanaan, serta diteguhkan sifat istiqamah, keazaman dan kekuatan kepada kita semua sebagai seorang pegawai bomba untuk terus setia menabur jasa dan bakti, supaya segala perancangan baik kita untuk memberi perkhidmatan kepada orang awam sentiasa dipermudahkan. Insya-allah.

Hadirin yang saya hormati dan muliakan,

3. Pada hari yang penuh bermakna ini, saya akan menyampaikan perutusan amanat YAS Dato' Ts. Nor Hisham bin Mohammad, Ketua Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Sempena Majlis Perbarisan tahunan tahun 2025, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang telah berlangsung pada 24 Januari 2025 yang lalu.
4. Mudah-mudahan, perkongsian pada hari ini akan dapat menterjemahkan komitmen kita semua untuk berganding bahu merancang dan menjayakan agenda perkhidmatan kebombaanan kepada seluruh rakyat Negeri Perak. Moga dengan kebersamaan itu, negeri tercinta kita ini akan terus dilimpahi rahmat kemakmuran manakala rakyatnya beroleh nikmat kesejahteraan.

REFLEKSI TAHUN 2024 – PENCAPAIAN CEMERLANG JABATAN BUKAN TIKET UNTUK KITA PEGUN DALAM KEADAAN SELESA

Hadirin yang saya muliakan,

5. Tahun 2024 yang telah berlalu kita tinggalkan dengan kenangan yang manis serta pelbagai kejayaan yang membanggakan samada di peringkat nasional mahupun di peringkat antarabangsa. Setiap kejayaan, kendatipun dari sekecil-kecil pencapaian sehinggalah sebesar-besar pengiktirafan, setiap satunya kita raikan dan hargai.
6. Retrospektif tahun 2024 menyaksikan pencapaian dalam **pengurangan tempoh *National Average Response Time (NART)*** bawah 10 minit iaitu berlaku **pertambahan nisbah 8:44 (2023) ke 8:48 (2024)**.
7. Selain itu, kita juga berjaya **mengurangkan nilai anggaran kerugian** kepada RM 1.56 billion, pengurangan sebanyak 40.32% berbanding tahun sebelumnya.
8. Dari aspek penguatkuasaan undang-undang pula, pada tahun ini JBPM terus komited melaksanakan pemeriksaan menghapus bahaya kebakaran (MBK). Tahun lalu, sebanyak **19, 661** pemeriksaan dibuat iaitu **peningkatan 12% (2,090 pemeriksaan)** melebihi sasaran **17,000** yang ditetapkan. Bagi tahun 2025, JBPM mensasarkan sebanyak **18,000** pemeriksaan akan dilaksanakan di seluruh negara.
9. Sepanjang tahun 2024, JBPM merekodkan sebanyak **279** kes lemas dengan jumlah kematian sebanyak **277** orang iaitu **penurunan** sebanyak 46 kes dan 6 kematian berbanding 325 kes dengan 283 kematian yang direkodkan pada tahun sebelumnya.
10. Pada 24 Disember 2024 juga, kita telah melancarkan pengoperasian Pusat Gerakan Operasi Kebombaan Kebangsaan (PGOK), JBPM yang mana ia merupakan penjenamaan semula dan naik taraf kepada Pusat Pengurusan Operasi (PPO) yang bertindak sebagai nadi komunikasi bagi pengoperasian jabatan.
11. Fasa pertama Sistem *Command, Control, Communications, Computers and Intelligence (C4iFRDM)* telah berada pada tahap pembangunan sebanyak

48% lebih awal dari yang dijadualkan di mana kita telah berjaya menyelesaikan beberapa *milestone* penting seperti ujian sistem asas dan penentuan keperluan teknikal yang menjadi asas kepada pembangunan fasa seterusnya.

12. Tahun lalu juga, bermulanya transisi Sistem Saraan Malaysia (SSM) kepada Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) pada 1 Disember 2024 yang ternyata memberikan impak yang besar kepada landskap perkhidmatan awam. Selain dari penyelarasan gaji, beberapa isu pentadbiran dalaman telah diteliti dan diselesaikan seperti tanda pangkat dan pemindaan gred dan kekananan bagi jawatan yang dijumudkan (KB22 dan KB24 kepada KB2).
13. Selain itu, jabatan juga telah mengkaji penambahbaikan jumlah waktu bekerja bagi Pegawai Bomba yang bertugas secara syif selaras dengan garis panduan SSPA ini bagi menambahbaik kebajikan untuk anggota bomba mendapat kemudahan sama tara, memperoleh tahap kesihatan fizikal, mental dan sosial yang lebih baik, sekaligus meningkatkan kualiti dan produktiviti kerja dan dalam masa yang sama pentingkan kesinambungan perkhidmatan.
14. Mengambil pendekatan prinsip "*Work More, With Less*", suka untuk saya maklumkan di sini, bermula 1 Februari 2025, semua Pegawai Bomba yang bertugas melalui sistem waktu bertugas syif 12 atau 24 jam akan mendapat **Hari Rehat Mingguan (HRM)** sebanyak 26 hari (minimum) setahun.
15. Perlaksanaan yang menyokong jihad pengurusan berat badan pegawai pula, tahun lalu Jabatan telah berjaya melaksanakan program Intervensi *Wellness Hub* bagi pegawai dalam kategori obesiti di semua negeri. Hasilnya, dalam tempoh enam bulan pelaksanaan, seramai **921 orang (80.3%)** berjaya menurunkan berat badan iaitu melebihi sasaran Indeks Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan iaitu **80%** menjadikan 260 orang berjaya mendapatkan BMI ideal mengikut standard jabatan.
16. Insya'Allah, program ini akan dilaksanakan secara berterusan bagi mengekalkan penampilan imej pegawai bomba yang lebih berketerampilan, mempunyai keupayaan bekerja yang sesuai dengan tuntutan dan tugas perkhidmatan kebombaan.

17. Dalam aspek pembangunan fasiliti kebombaan, sebanyak empat (4) buah balai bomba dan penyelamat baharu telah siap dibina dan beroperasi iaitu masing-masing satu (1) di Terengganu (BBP Kuala Nerus) dan tiga (3) di Sabah (BBP Nabawan, Putatan dan Pitas) pada tahun 2024. Ini menjadikan JBPM kini beroperasi dengan kapasiti sebanyak 341 buah balai di seluruh negara.
18. Jabatan juga telah berjaya memeterai Kerjasama Pintar (*Smart Partnership*) dengan Genting Malaysia Berhad (GENM) untuk melaksanakan projek pembinaan balai dan kuarters di Gohtong Jaya dengan kos bernilai **RM68.38 juta** yang ditanggung secara bersama melalui inisiatif **Public Private People Partnership (4P)**.
19. Alhamdulillah, untuk tahun ini, melalui Belanjawan 2025, Kerajaan telah meluluskan sebanyak **RM 202.8** juta peruntukan pembangunan (DE) dengan siling tahunan bagi melaksanakan **10** projek baharu melibatkan fizikal kelengkapan bernilai **RM 57.6 juta** dan **12** projek fizikal bangunan bernilai **RM 3.6 juta** serta 48 projek sambungan dengan peruntukan sebanyak **RM 141.6 juta**. Total projek yang telah dan akan dilaksanakan ialah **RM 1.1 billion**.
20. Pemerkasaan budaya keselamatan juga terus dipergiatkan oleh JBPM bagi melahirkan *Disaster Resillience Community* (Komuniti Berdaya Tahan Bencana). Tahun lalu, JBPM telah mencapai beberapa *milestone* penting antaranya penjenamaan semula Kelab 3K kepada Kelab Bomba Cilik (KBoC), penubuhan Bomba Junior di sekolah rendah dan juga pemerkasaan Pasukan Bomba Sukarela dengan kenaikan nilai Geran Bantuan Kewangan daripada **RM 3,000** kepada **RM 5,000 ringgit** serta **kelulusan khas peruntukan RM 3 juta** untuk diselaraskan bagi kegunaan Pasukan Bomba Sukarela.
21. Jika nak dibilang satu persatu, kejayaan-kejayaan yang kita terima ini sudah tentu adalah hasil kerja keras kita semua dalam satu pasukan. Walau bagaimanapun, kita tidak boleh terbuai dan berasa selesa dengan kejayaan yang telah dirangkul.
22. Sebaliknya, kita mesti terus membulatkan tekad untuk berubah ke arah lebih cemerlang pada tahun 2025. Tetapkan sasaran dan halatuju yang boleh

dicapai serta susun strategi dengan rapi untuk mencapai sasaran dan petunjuk prestasi utama (KPI) yang telah ditetapkan.

23. Hal ini juga selari dengan aspirasi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk melakar kejayaan melangkaui pencapaian yang lalu dan membawa organisasi ke *greater HEIGHTS* – iaitu ***Humility*** (Rendah hati), ***Ethics*** (Beretika), ***Integriti***, ***Gung-ho*** (Keghairahan berkerja), ***Hard Work*** (Kerja Keras), ***Team Work*** (Semangat Berpasukan), dan ***Success*** (Kejayaan).

MELANGKAH KE HADAPAN – INISIATIF JABATAN KE ARAH PERKHIDMATAN KEBOMBAAN YANG BERSIFAT INKLUSIF DAN MAMPAN

Hadirin yang saya muliakan,

24. Pada tahun 2025, inisiatif baharu akan dilaksanakan untuk memperkemaskan fungsi dan peranan JBPM di peringkat akar umbi selaras dengan tiga fokus utama dalam Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam iaitu:-

- a) **Memantapkan Pemboleh daya Reformasi;**
- b) **Memperkukuh Nilai dan Tatakelola; dan**
- c) **Mempertingkatkan Sinergi Strategi Strategik Persekutuan-Negeri dan Antarabangsa**

25. Beberapa agenda reformasi perkhidmatan kebomgaan dan penyelamat yang akan menjadi fokus Jabatan pada tahun 2025 adalah:-

26. Pertama, menggerakkan pembangunan industri kebomgaan berikutan pelantikan JBPM sebagai **Badan Peneraju Industri (ILB)** oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia dari 1 Julai 2024 hingga 31 Disember 2027.

27. Kedua, mengimplementasikan **Sistem Tugas Balai (STB)** di semua balai bomba mulai 15 Oktober 2024, menggantikan Jadual Tugas Harian (JTH) untuk mereformasi penjadualan, pembahagian tugas, penggunaan teknologi, dan pemantauan prestasi bagi meningkatkan kecekapan pengurusan dan respons operasi bomba. Ianya dikukuhkan dengan tanda

pangkat baru yang akan berkuatkuasa pada 1 Jun 2025 serta pelaksanaan Hari Rehat Mingguan.

28. Ketiga, **pengukuhan perjawatan dan penstrukturan semula** jabatan dimulakan dengan kelulusan fasa pertama penstrukturan Ibu Pejabat JBPM pada 1 Januari 2024. KPKT dan JBPM telah melaksanakan naziran perjawatan di lapan (8) negeri, dan hasilnya dibentangkan kepada Datuk Wira KSU di mana KPKT bersetuju untuk menyediakan kertas permohonan bagi fasa kedua tahun ini.
29. Fasa kedua penstrukturan melibatkan tiga elemen utama, **pemeriksaan balai dan zon, struktur organisasi antara ibu pejabat, negeri, dan zon, serta penetapan norma untuk balai dan pasukan khas tetap**. Saya berharap Pasukan *Task Force* Penstrukturan Semula JBPM merancang strategi dengan baik untuk menyiapkan kertas permohonan segera.
30. Keempat, usaha mendapatkan kelulusan **pindaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341)** yang melibatkan penambahbaikan 41 seksyen, termasuk pindaan, penggantian, dan pewujudan seksyen baharu. Deraf pindaan telah siap dan dijangka dibentangkan dalam Mesyuarat Penggal Keempat Parlimen Kelima Belas Tahun 2025.
31. Kelima, usaha penubuhan **Majlis Bangunan Super Tinggi Malaysia (Malaysia Supertall Buildings Council)** dimulakan dengan penandatanganan Surat Niat (LoI) oleh JBPM pada 18 Disember 2024 bersama enam pihak pengurusan bangunan super tinggi, termasuk Menara Merdeka 118 dan Menara Telekom.
32. Keenam, menyokong usaha '**One Billion Readiness Initiatives**' untuk mensasarkan 4.5 juta peserta program latihan berkaitan kebombaian bagi tempoh 2025-2027 termasuk 15,000 Program Pendidikan Komuniti.
33. Dan yang terakhir, memperkukuhkan **kolaborasi strategik rentas sempadan** melalui kejayaan pelaksanaan *IFCAA General Conference*, *IFCEM*, dan *MIREC*, yang membuka peluang kerjasama baharu antara JBPM dengan agensi pengurusan bencana antarabangsa dan syarikat multinasional. Program seperti *Malaysia-China Fire Safety Exchange* dan Kursus *Regional Advanced Course on Emergency for First Responders* menjadi tanda aras baharu dalam pertukaran kepakaran antarabangsa.

34. *“Seliang bagai tebu, serumpun bagai serai”, “terapung sama hanyut, terendam sama basah”*. Merealisasikan kesemua inisiatif ini, sokongan semua pihak amatlah dituntut. Jadi saya menyeru, agar semua kepimpinan tertinggi di Ibu Pejabat, Negeri, Zon, Balai dan seluruh warga kerja agar terus menyatakan sokongan dan komitmen dalam menjayakan agenda jabatan ini.

TITIPAN PESANAN – PENGHAYATAN PRINSIP BUDAYA KERJA “*THINK BIG ACT SMALL*”

Hadirin yang saya hormati sekalian,

35. Dikesempatan ini, YAS Ketua Pengarah sentiasa menitipkan pesanan kepada semua warga Jabatan agar kita semua merangkul kembali makna sebenar di sebalik prinsip *“Think Big, Act Small”*. Dengan berfikir besar, kita berusaha untuk mencapai sesuatu yang lebih daripada biasa dan mencari peluang untuk membuat perubahan yang signifikan terhadap diri dan jabatan.

36. James Clear dalam bukunya bertajuk *“Atomic Habit”* memberikan satu analogi yang cukup bijak. *“Bolehkah sekeping duit syiling menjadikan seseorang itu kaya? Jika kita berikan seseorang sepuluh keping duit syiling, belum tentu dia itu kaya. Tetapi apa jadi bila kita tambah syiling itu lagi? dan lagi? dan lagi? dan sampai satu tahap kita perlu akui bahawa tiada siapa mampu menjadi kaya melainkan sekeping duit syiling itu yang menjadikan dia kaya.”* Bersama-sama kita fikirkan.

PENUTUP DAN PENGHARGAAN

Tuan-tuan dan Puan-puan Yang Saya Hormati,

37. Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh keluarga besar Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak atas dedikasi, komitmen dan usaha padu yang telah diberikan. Tanpa sokongan semua pihak, kejayaan yang kita raih tidak akan dapat dicapai. Sesungguhnya kejayaan ini adalah kejayaan kita bersama. Bersama-sama kita berdoa, agar tahun 2025 membawa lebih banyak lagi kejayaan dan kecemerlangan buat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak khususnya dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia amnya.
38. Semoga kita semua terus diberkati dan dipermudahkan segala urusan kita pada tahun 2025 ini untuk mencapai kejayaan yang lebih cemerlang, InsyaAllah.

Sekian, Wabillahitaufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan terima kasih.

[PERUTUSAN TAMAT)

